



# Praktis Ekstra

## Tema 1

PBD

Kemahiran Membaca

SP 2.3.1

Baca petikan di bawah, kemudian lengkapkan peta buih dengan betul dan tepatny.

Fahmi termenung di tepi jendela. Dia kesal akan perbuatannya selama ini. Akibat kerap ponteng sekolah dan tidak belajar dengan bersungguh-sungguh, dia gagal dalam ujian pertengahan sesi akademik yang baru diadakan dua minggu lalu.


“Selamat petang, Fahmi. Kenapa kamu termenung?” tanya Hakimi yang melintasi rumah Fahmi dengan basikalnya. Fahmi tersenyum hambar lalu mempelawa Hakimi singgah.

Setelah Hakimi melabuhkan punggungnya di sofa, Fahmi meluahkan perasaannya.

“Pada pendapat saya, kamu perlu mengubah sikap negatif kamu serta-merta. Lakukan perubahan positif dengan mendadak. Kamu mesti bersemangat tinggi untuk menjadi insan yang baik. Tukar cara berfikir kamu ke arah positif. Kamu juga janganlah mudah berputus asa apabila menghadapi cabaran,” nasihat Hakimi.

“Jika kamu berminat, kamu boleh menghadiri ceramah, kursus, atau kelas motivasi secara dalam talian. Selain mengisi masa lapang kamu dengan aktiviti yang bermanfaat, kamu juga dapat menghindarkan diri daripada rakan-rakan yang berkelakuan negatif agar tidak terus terpengaruh. Pada masa yang sama, kamu mestilah rajin menunaikan ibadat dan berdoa kepada Tuhan agar ditetapkan iman,” tambah Hakimi.

Fahmi memandang Hakimi seraya mengangguk-angguk. Dia tersenyum lebar.





## **Praktis Ekstra** Tema 2

### **PBD** Kemahiran Membaca **SP 2.3.1**

**Baca petikan yang diberikan dengan telitinya dan ulas maklumat yang terdapat dalam petikan tersebut dengan betul dan tepatnya.**

Rokok elektronik atau e-rokok kini digemari oleh perokok belia atas alasan mengikut trend. Mereka percaya dan yakin bahawa e-rokok kurang memberikan impak terhadap kesihatan mereka. Namun demikian, adakah tanggapan mereka itu benar?

Hakikatnya, e-rokok turut mengundang kesan buruk terhadap kesihatan sesiapa sahaja yang menghisapnya. Hal ini dikatakan demikian kerana e-rokok mempunyai nikotin yang merosakkan paru-paru. Berbanding dengan rokok, ada yang beranggapan bahawa e-rokok lebih sihat kerana dikatakan hanya mempunyai nikotin, air, dan perisa semula jadi. Selain itu, kebanyakan belia menjadikan perbuatan menggunakan e-rokok sebagai batu loncatan untuk berhenti daripada merokok. Namun begitu, mereka tetap sukar untuk berhenti. E-rokok mampu membuatkan seseorang ketagih dengan adanya pelbagai jenis perisa seperti rasa coklat, vanila, buah-buahan, dan lain-lain.

Penelitian ringkas menunjukkan kadar bahan kimia yang terdapat dalam e-rokok adalah kecil berbanding kandungan bahan kimia dalam rokok tembakau. Walau bagaimanapun, penggunaan e-rokok menurunkan sistem kekebalan tubuh penggunaanya. Tubuh mereka kurang aktif untuk melawan infeksi kerana cairan e-rokok yang berfungsi untuk mencipta wap memiliki efek pada tubuh.

Selain itu, kandungan logam seperti timah, nikel, perak, besi, aluminium, silikat, dan kromium yang terkandung dalam e-rokok didapati sama besar bahkan lebih besar daripada yang ditemukan dalam asap rokok tradisional. Partikel-partikel tersebut dapat merosakkan sistem pernafasan di samping menimbulkan risiko kanser dan pertumbuhan sel yang abnormal.



## Praktis Ekstra Tema 3

**PBD**

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur SP 1.2.2

**Dengar petikan yang dibaca oleh guru anda. Kemudian, terangkan maksud ayat yang diberikan secara bertatasusila.**

Pepatah Melayu ada menyebut, otak yang cerdas ada pada badan yang sihat. Pepatah ini berkait rapat dengan aktiviti bersukan kerana satu daripada cara untuk mendapatkan badan yang sihat adalah melalui aktiviti bersukan.

Bersukan ialah aktiviti riadah yang dapat mengeluarkan peluh daripada tubuh kita. Secara tidak langsung, aktiviti ini akan mengeluarkan sisa toksin dalam badan dan menjadikan seseorang itu sihat. Selain itu, bersukan juga dapat membantu kita untuk mengekalkan kesihatan fizikal dan mental. Kehidupan pada zaman moden ini lebih banyak menggunakan tenaga dalaman dan pemikiran. Golongan profesional dan separa profesional sering kali sibuk dengan pekerjaan manakala remaja dan pelajar sibuk dengan aktiviti harian sehingga terpaksa mengabaikan kegiatan fizikal kerana kekurangan waktu untuk tujuan tersebut. Hal ini membawa kepada masalah kesihatan fizikal dan mental. Oleh hal yang demikian, penglibatan pelbagai lapisan masyarakat dalam pelbagai kegiatan sukan dapat mengurangkan pelbagai masalah kesihatan.

Kegiatan sukan menjadi langkah awal dalam mengawal obesiti dan penyakit kronik seperti darah tinggi, diabetes, dan penyakit jantung. Bersesuaian dengan 'sediakan payung sebelum hujan', kegiatan sukan yang kerap dilakukan akan dapat melancarkan perjalanan darah, mengurangkan lemak berlebihan di dalam tubuh, dan membantu sistem perkumuhan.

Dalam ajaran Islam, aktiviti bersukan dapat membantu badan membuang sisa makanan dengan cara semula jadi. Hal ini menjadikan badan aktif, meningkatkan imuniti badan, dan melindungi badan daripada penyakit. Tambahan lagi, setiap organ tubuh kita ada jenis sukan yang sesuai dengan fungsinya. Aktiviti sukan menunggang kuda, memanah, berlumba lari, dan berenang adalah antara aktiviti sukan yang memberikan manfaat kepada seluruh badan kita.

1. Pepatah Melayu ada menyebut, otak yang cerdas ada pada badan yang sihat.  
\_\_\_\_\_
2. Kehidupan pada zaman moden ini lebih banyak menggunakan tenaga dalaman dan pemikiran.  
\_\_\_\_\_
3. Oleh hal yang demikian, penglibatan pelbagai lapisan masyarakat dalam pelbagai kegiatan sukan dapat mengurangkan pelbagai masalah kesihatan.  
\_\_\_\_\_
4. Tambahan lagi, setiap organ tubuh kita ada jenis sukan yang sesuai dengan fungsinya.  
\_\_\_\_\_



## Praktis Ekstra Tema 4

### PBD Kemahiran Menulis SP 3.4.5

Berdasarkan rangka karangan di bawah, tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

#### Soalan

Kadar kemalangan jalan raya di negara ini terus meningkat pada setiap tahun. Semua pihak berpendapat bahawa langkah-langkah yang wajar harus dilaksanakan untuk membendung perkara ini.

Huraikan langkah-langkah untuk mengatasi isu kemalangan jalan raya.

#### Pendahuluan

kadar kemalangan jalan raya di Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan sehingga mendesak pihak berwajib melaksanakan pelbagai program dan undang-undang untuk mengatasinya – namun demikian, masalah ini masih berterusan – usaha-usaha yang relevan harus dilaksanakan

#### Isi-isi relevan

- (a) penunggang motosikal dan pemandu kenderaan – mestilah memeriksa tayar, brek, dan lampu kenderaan agar berada dalam keadaan yang baik sebelum memulakan perjalanan – menggunakan topi keledar atau tali pinggang keledar yang diluluskan oleh SIRIM dan memastikan topi keledar terikat dengan kemas – penunggang motosikal perlulah memakai pakaian yang cerah dan dapat dilihat oleh pemandu lain – mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya
- (b) pihak kerajaan – mengkaji hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang yang sedia ada semula – sama ada hukuman yang dikenakan dapat memberi pengajaran sepenuhnya kepada masyarakat – meminda akta yang dilihat tidak sesuai digunakan lagi – hukuman yang berat dapat membuka mata pemandu kenderaan agar sentiasa mematuhi peraturan di jalan raya – undang-undang lebih hebat kuasanya daripada wang ringgit – dengan syarat undang-undang itu ‘bekerja’ cukup kuat (Thomas E. Dewey) – pemantauan berterusan perlu dijalankan setiap masa, bukan hanya pada setiap musim perayaan
- (c) pihak institut memandu – memastikan bakal pemandu menjalani latihan yang mencukupi dan bersesuaian – memastikan bakal pemandu menitikberatkan tatasusila pemanduan berhemah – memastikan tiada unsur rasuah semasa proses mendapatkan lesen memandu

#### Penutup

langkah-langkah yang wajar dan berterusan mesti dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini – sekiranya keadaan ini tidak diatasi, negara akan berhadapan dengan situasi ketandusan modal insan untuk memajukan negara ini



# Praktis Ekstra

## Tema 5

PBD

Kemahiran Membaca

SP 2.2.1

Baca teks di bawah dengan telitinya. Kemudian, terangkan maksud istilah yang berhuruf tebal menggunakan kamus.

Perpaduan merupakan **teras** utama dalam **memacu** Malaysia menjadi sebuah negara yang harmoni serta **berdaya saing** dalam dunia yang serba moden ini. Perpaduan merupakan satu proses untuk menyatupadukan anggota masyarakat dalam sesebuah negara bagi merealisasikan **semangat kebangsaan** bersama antara mereka melalui pemahaman serta **ideologi** yang dibawa oleh **pucuk pimpinan** negara.

Antara kebaikan perpaduan disemai dalam kalangan rakyat adalah dapat mewujudkan sebuah **negara bangsa** yang aman dan harmoni dengan kepelbagaian kaum yang ada. Sememangnya hal ini dapat mencerminkan perpaduan Malaysia yang **positif** di mata dunia. Di samping itu, rakyat yang bersatu padu mampu mempertahankan **kedaulatan** kemerdekaan negara. Sememangnya tidak mudah untuk kita mencapai kemerdekaan dan seharusnya sebagai **pewaris** kemerdekaan, kita perlulah bersatu padu dalam mempertahankannya.

| Istilah                | Maksud |
|------------------------|--------|
| 1. teras               |        |
| 2. memacu              |        |
| 3. berdaya saing       |        |
| 4. semangat kebangsaan |        |
| 5. ideologi            |        |
| 6. pucuk pimpinan      |        |
| 7. negara bangsa       |        |
| 8. kedaulatan          |        |
| 9. positif             |        |
| 10. pewaris            |        |



# Praktis Ekstra

## Tema 6


**PBD**

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

SP 1.8.1

Berdasarkan maklumat di bawah, berbincanglah secara kritis tentang punca dan kesan rasuah menggunakan ayat yang gramatis.

**i-THINK** Peta Pelbagai Alir





# Praktis Ekstra

## Tema 7

**PBD**

Kemahiran Membaca SP 2.2.3

Baca dan fahami maklumat yang diberikan di bawah. Kemudian, ulas maklumat tersebut.

Manfaat Makan Nasi di Dalam Dulang bersama-sama

Mengamalkan sunah Rasulullah SAW

Memupuk kasih sayang

Mengelakkan pembaziran

Menjimatkan masa dan tenaga








# Praktis Ekstra Tema 8

## PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur SP 1.4.2

Berdasarkan bahan di bawah, berbicaralah tentang setiap maklumat tersebut dalam situasi formal secara bertatasusila.

### Bahasa Melayu Bahasa Ilmu



1

Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan pada tahun 1956.

2


Merupakan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa ilmu di Malaysia.

3

Bahasa Melayu turut dipelajari di beberapa buah universiti antarabangsa seperti di China, Belanda, dan United Kingdom.



*Beijing Foreign Studies University (BFSU) China*



*School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom*



*University Leiden, Belanda*





## Praktis Ekstra Tema 9

**PBD****Kemahiran Membaca SP 2.3.1**

Baca dan fahami maklumat daripada teks di bawah. Kemudian, ulas maklumat yang terdapat dalam teks tersebut dengan betul dan tepatnya.

### Permainan Wau

- \* permainan tradisional yang sangat popular di negeri Kelantan dan Terengganu
- \* masih dimainkan hingga kini dan digemari oleh semua lapisan masyarakat
- \* sebagai sumber hiburan, perhiasan dinding, kraf tangan, dan tujuan pertandingan

- \* menggunakan buluh yang baik
- \* pilihan utama ialah buluh yang kering dan seelok-eloknya yang tumbuh di tengah-tengah rumpun supaya rangka wau lebih ringan



- \* antara wau yang dimainkan ialah wau helang, wau pari, wau bayan, wau merak, wau sewah, dan wau jala budi
- \* wau bulan sangat cantik dan bahagian ekornya menyerupai bulan sabit atau tanduk

- \* sesebuah wau biasanya dimainkan oleh juruanjung dan jurumain tali
- \* wau dilepaskan oleh juruanjung apabila mendapat angin yang sesuai dan jurumain tali akan menarik tali sambil berlari anak
- \* tali akan ditarik secara melawan arus angin



# Praktis Ekstra

## Tema 10

**PBD****Aspek Tatabahasa** **SP 5.3.1**

Lengkapkan petikan di bawah dengan kata terbitan yang sesuai berdasarkan perkataan yang diberikan di dalam kurungan.

Pengguna Internet menerima maklumat dengan mudah dan pantas. Maklumat \_\_\_\_\_ (cari) bukan sahaja dalam bentuk teks, tetapi juga dalam bentuk gambar rajah, jadual, carta grafik, audio, animasi, dan bentuk media elektronik yang lain. Pengguna didedahkan kepada World Wide Web (www) untuk mencari maklumat yang \_\_\_\_\_ (hendak). Mereka tidak perlu ke perpustakaan kerana boleh melayari Internet di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Hal ini juga dapat menjimatkan kos.

Selain itu, pelayar Internet menggunakan Internet sebagai saluran komunikasi antarabangsa atas pelbagai tujuan. Pakar-pakar \_\_\_\_\_ (ubat) dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan adanya Internet. Komunikasi dalam aspek ekonomi dan politik pula dapat dilakukan dengan telekonferens.

Namun demikian, \_\_\_\_\_ (seronok) melayari laman-laman sosial seperti Facebook dan Twitter serta bermain permainan maya secara atas talian menyebabkan seseorang menghabiskan banyak waktu. Seseorang menghabiskan waktu mereka melayari Internet sehingga kerja sekolah \_\_\_\_\_ (abai). Produktiviti seseorang pekerja juga akan merosot jika terlalu leka \_\_\_\_\_ (layar) Internet.

Pengguna Internet juga terdedah kepada jenayah siber. Antaranya ialah \_\_\_\_\_ (tipu) secara atas talian, berlaku transaksi palsu, buli siber, dan sebagainya. Penjenayah siber mampu \_\_\_\_\_ (godam) sistem \_\_\_\_\_ (tahan) negara dan rahsia-rahsia kerajaan yang dapat mendedahkan sesebuah negara kepada ancaman anasir luar. Penipuan jual beli dalam talian membawa \_\_\_\_\_ (rugi) yang besar kepada pembeli dan penjual. Pengguna \_\_\_\_\_ (ugut) untuk mendapatkan maklumat peribadinya atau kegiatan jenayah yang \_\_\_\_\_ (bahaya) keselamatan dirinya.



# Praktis Ekstra

## Tema 11

**PBD****Aspek Tatabahasa** SP 5.4.1

Lengkapkan ayat dalam perenggan di bawah dengan frasa yang sesuai.

masyarakat tempatan

menjana tenaga

menjejaskan kualiti

untuk memupuk

dapat membantu

kadar permintaan

negara maju

kos operasi

Apabila sesebuah negara semakin pesat membangun, populasi penduduknya semakin meningkat. Hal ini menyebabkan (1) \_\_\_\_\_ terhadap sumber semula jadi semakin tinggi. Pengurusan sumber semula jadi melalui teknologi hijau dapat memastikan isu perubahan iklim dan keselamatan tenaga ditangani dengan baik.

Teknologi hijau terbukti lebih cekap kerana dapat (2) \_\_\_\_\_ dalam pelbagai keadaan dengan kos yang murah, selamat, dan mesra pengguna. Hal ini dapat dibuktikan melalui amalan di (3) \_\_\_\_\_ yang telah membangunkan industri ini sejak sekian lama.

Dari aspek ekonomi, teknologi hijau mampu meningkatkan pembangunan ekonomi negara dengan mengurangkan (4) \_\_\_\_\_ dan meningkatkan nilai aset serta keuntungan. Malahan, industri yang menggunakan atau membangunkan produk berkaitan dengan teknologi hijau dapat menyediakan peluang pekerjaan untuk (5) \_\_\_\_\_.

Teknologi hijau juga (6) \_\_\_\_\_ untuk memulihara dan meminimumkan kesan buruk kepada alam sekitar. Pencemaran udara, air, bunyi, dan sebagainya akan (7) \_\_\_\_\_ hidup rakyat jika dibiarkan berterusan.

Jelaslah bahawa teknologi hijau mempunyai pelbagai manfaat. Lantaran itu, dana sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan (8) \_\_\_\_\_ kesedaran rakyat tentang keperluan teknologi hijau dan amalan hidup yang mesra alam.



# Praktis Ekstra Tema 12

**PBD**

**Kemahiran Membaca** SP 2.2.3

Baca dan fahami bahan grafik di bawah. Kemudian, ulas maklumat yang terdapat dalam bahan grafik tersebut.

## Keropok lekor cendawan





# Praktis Ekstra

## Tema 13

PBD

Aspek Tatabahasa

SP 5.1.3

Betulkan kesalahan kata tugas yang berhuruf tebal dalam petikan di bawah. Kemudian, tulis kata tugas yang betul dalam ruangan yang disediakan.

Malaysia merupakan sebuah negara khatulistiwa yang indah, aman, dan **pernah** menuju ke arah mencapai status negara perindustrian yang maju. Negara ini semakin menjadi tumpuan para pelancong **daripada** seluruh pelosok dunia.

Satu daripada punca pendapatan negara diperoleh melalui pengaliran masuk wang asing. Sebagai negara yang terkenal dengan destinasi halal **atau** menjadi tumpuan pelancong asing terutamanya Asia Barat, Timur Tengah, dan Asia Tenggara, Malaysia merekodkan purata kemasukan pelancong asing sebanyak dua juta setahun. Statistik pelancongan ke Malaysia menunjukkan **yang** purata kedatangan **para-para** pelancong asing **di** Malaysia semakin meningkat dari tahun ke tahun.

**Berbagai** usaha dijalankan dari masa ke masa **supaya** mempromosikan industri pelancongan Malaysia di mata dunia. Selain program pelancongan, kerajaan dan pihak terlibat sentiasa memastikan tempat bersejarah dipelihara dan dipulihara, menaik taraf infrastruktur berkaitan pelancongan, dan meningkatkan kualiti produk pelancongan serta mutu perkhidmatan. Kerajaan **pula** memperbanyak tempat pelancongan di negara ini **manakala** lebih ramai pelancong antarabangsa datang ke negara kita.

| Kesalahan kata tugas | Pembetulan |
|----------------------|------------|
| 1. pernah            |            |
| 2. daripada          |            |
| 3. atau              |            |
| 4. yang              |            |
| 5. para-para         |            |
| 6. di                |            |
| 7. Berbagai          |            |
| 8. supaya            |            |
| 9. pula              |            |
| 10. manakala         |            |



## **Praktis Ekstra** Tema 14

**PBD****Kemahiran Membaca** SP 2.3.1

**Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, ulas maklumat yang terkandung dalam petikan dengan betul dan tepatnya.**

Ada peribahasa yang dikatakan bersifat negatif seperti 'rezeki secupak tak akan menjadi segantang'. Peribahasa ini bermaksud, jika rezeki seseorang itu sedikit, maka seberapa banyak pun usaha yang dilakukannya, rezekinya tidak akan bertambah.

Peribahasa ini boleh menyebabkan sesetengah masyarakat tidak mahu bekerja keras kerana menganggap rezeki mereka sudah ditentukan oleh Tuhan. Mereka lebih suka menyerahkan nasib mereka kepada takdir tanpa berusaha kerana tidak mahu usaha mereka tidak menemui kejayaan. Pandangan ini salah kerana mereka tidak memahami maksud sebenar peribahasa ini.

Peribahasa ini sebenarnya mengajar kita agar reda akan ketentuan rezeki yang ditentukan oleh Tuhan. Namun, sebelum itu, kita mestilah bekerja bersungguh-sungguh untuk mencari sebanyak-banyak rezeki sebagaimana peribahasa 'di mana ada kemahuan di situ ada jalan'.

Jika kita tidak berusaha dan hanya berserah kepada takdir, hal ini bertentangan dengan ajaran agama Islam yang menuntut umatnya supaya bekerja keras mencapai kekayaan sebagaimana yang selalu kita dengar 'beribadallah seolah-olah kamu akan mati esok hari dan berusahalah kamu seolah-olah kamu akan hidup seribu tahun lagi'. Oleh itu, kita mestilah gigih berusaha untuk mencorakkan masa hadapan kita kerana 'yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang'.



## Praktis Ekstra Tema 15

### PBD Kemahiran Membaca SP 2.4.1

**Baca dan fahami petikan di bawah. Kemudian, kemukakan pendapat anda.**

Julia: Zamri, adakah kamu pernah melancong ke negeri Sarawak? Negeri yang terkenal dengan nama jolokannya Negeri Bumi Kenyalang ini mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai suku kaum.

Zamri: Ya, saya pernah ke sana. Terdapat kira-kira 30 kumpulan etnik di Sarawak dan kaum Iban merupakan suku kaum yang terbesar di negeri itu. Selain itu, terdapat juga kaum Cina, Melayu, Bidayuh, Melanau, dan kaum-kaum etnik yang lain.

Julia: Sebagai sebuah negeri yang mempunyai pelbagai bangsa dan suku kaum, sudah pasti terdapat pelbagai kebudayaan dan adat resam yang diamalkan oleh masyarakat Sarawak. Adat resam merupakan satu warisan tradisi yang begitu dititikberatkan dan telah sebatikan dengan kehidupan sehari-harian mereka.

Zamri: Benar. Satu daripada aspek adat resam mereka termasuklah pakaian tradisional. Keindahan pakaian kaum etnik di negeri ini terserlah dengan ragam hias yang mempamerkan motif-motif etnik tersebut, iaitu sama ada daripada tenunan, jalinan manik, dan labuci. Perhiasan yang sarat dengan perak dan manik melambangkan status dan kekayaan pemakainya.

Julia: Kaum lelaki Iban memakai tali pinggang dan cawat daripada kain tenun kasar dan puncanya dihiasi tenunan bercorak. Mereka juga mengenakan ikat kepala daripada kain tenun dan tali pinggang perak. Kepala mereka dipakaikan setapak tunjang dan bulu kenyalang.

Zamri: Bagi kaum wanita Iban pula, mereka memakai bidang berhias syiling dan loceng. Perhiasan diri pula daripada perak seperti ringgit gobeng dan gelang kelunchong. Selain itu, mereka memakai skirt atau bidang tenun pua. Bagi bahagian atas badan pula, mereka memakai baju kecil atau kembangan yang dilindungi dengan manik empang daripada manik.

Julia: Masyarakat Sarawak, terutama kaum Iban terkenal oleh tarian tradisional mereka, iaitu tarian ngajat. Tarian ini lazimnya ditarikan semasa mereka menyambut Hari Gawai. Penari berdiri di atas bulatan langsung ke atas dan ke bawah, malahan akan melompat bersama-sama iringan lagu. Setiap rentak yang dimainkan bersesuaian dengan upacaranya.

Zamri: Saya berharap dapat ke sana lagi pada masa akan datang.





# Praktis Ekstra

## Tema 16

### PBD

### Kemahiran Membaca SP 2.2.1

Baca dan fahami petikan di bawah. Kemudian, terangkan maksud istilah yang berhuruf tebal dengan menggunakan kamus.

Malaysia telah berjaya menganjurkan beberapa sukan peringkat antarabangsa. Pada tahun 1965, 1971, 1977, 1989, 2001, dan 2017, negara ini telah mampu menjadi **tuan rumah** bagi Sukan SEA. Penganjuran Sukan SEA telah membantu untuk merapatkan hubungan Malaysia dengan negara-negara serantau di Asia Tenggara.

Pada tahun 1988, Malaysia menjadi negara Asia yang **julung kali** menganjurkan Sukan Komanwel. Stadium Nasional Bukit Jalil dijadikan sebagai stadium utama dalam kejohanan tersebut. Maskot Sukan Komanwel 1988 ialah orang utan dan bunga raya dipilih menjadi logo sukan tersebut.

Sejak tahun 1996, kejohanan lumba basikal antarabangsa Le Tour de Langkawi menjadi **acara tahunan** sukan negara kita. Nama kejohanan ini diambil bersempena dengan nama tempat pelepasan peserta perlumbaan, iaitu Langkawi. Perlumbaan tersebut secara tidak langsung **mempromosikan** tempat-tempat menarik di Malaysia kerana peserta dan penonton perlumbaan itu menjelajah seluruh negara.

Selain itu, negara kita telah menjadi penganjur kejohanan Formula One World Championship (Formula 1). Kejohanan ini merupakan kelas tertinggi perlumbaan formula kereta satu tempat duduk dengan tayar terdedah ditakrifkan oleh Fédération Internationale de l'Automobile (FIA). Pembinaan Litar Sepang Antarabangsa mampu menyediakan **prasarana** bertaraf dunia bagi tujuan ini. FIA Formula e-Championship (Formula E) telah diadakan di Putrajaya pada tahun 2014.

1. tuan rumah – \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

2. julung kali – \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

3. acara tahunan – \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

4. mempromosikan – \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

5. prasarana – \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_